

25/06/2001

Sekolah Harapan Negara berazam terus cemerlang

Mohamed Sahidi Yusof

PEMILIHAN Sekolah Kebangsaan (SK) Kemahang Dua, Tanah Merah, Kelantan sebagai Sekolah Harapan Negara memberi semangat baru kepada setiap kakitangan serta pelajarnya untuk terus cemerlang dalam semua bidang, sama ada akademik, kokurikulum dan keceriaan.

Malah, ia juga selaras dengan matlamat menjadikan sekolah itu sebagai sekolah contoh dari segi keceriaan dan kecemerlangan pendidikan.

Banyak pihak menyifatkan anugerah penerima pertama Sekolah Harapan Negara kategori sekolah rendah luar bandar kepada sekolah berkenaan tahun ini bertepatan dengan usaha yang dilakukan selama ini.

Anugerah disampaikan sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Seri Negeri Kompleks Seri Negeri, Melaka, baru-baru ini.

Guru Besarnya, Ariffin Jaafar, berkata kejayaan yang dicapai itu adalah hasil daripada perancangan yang sesuai dan mampu dilaksanakan.

Beliau berkata, pihaknya cuba mengelak daripada merancang program besar yang diketahui sukar dilaksanakan kerana tidak mahu menanggung risiko pada masa depan.

Katanya, aspek pertama ditumpukan ialah sudut keceriaan yang boleh menyumbang ke arah persekitaran lebih kondusif dan pengurusan bersistematik seimbang dari segi akademik, emosi, rohani serta jasmani.

"Sebagai contoh, kami membina landskap berasaskan taman berkonsep dan ternama di dunia seperti taman British knot, taman Perancis, taman Itali, taman Jepun, taman rimba, taman herba, taman orkid dan taman dusun.

"Selain itu, kami juga mewujudkan iklim permandangan menarik menerusi mural di dinding bangunan sekolah," katanya.

Ariffin berkata, aspek kedua ialah mengetengahkan program pengukuhan bahasa Inggeris di kalangan murid dari tahun satu hingga enam.

Menerusi program itu, katanya, beliau akan memastikan imej bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran yang sukar dan sentiasa menjadi fobia kepada murid tidak akan berlaku.

Buktinya, SK Kemahang Dua, sentiasa mencatat pencapaian tinggi dalam subjek bahasa Inggeris seimbang pencapaian mata pelajaran lain pada setiap tahun.

Beliau berkata, sistem merekod perkembangan prestasi akademik individu adalah aspek yang turut menyumbang terhadap kejayaan sekolah berkenaan.

"Setiap murid yang memasuki sekolah ini disediakan helaian rekod prestasi berpusat yang akan mencatatkan pencapaian markah ujian bulanan dari tahun satu hingga enam," katanya.

Langkah itu, katanya, membolehkan guru mengenal pasti tahap pencapaian setiap murid cemerlang, baik, sederhana, memuaskan dan lemah dalam satu kelas.

Pelaksanaan sistem itu menunjukkan analisis prestasi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) SK Kemahang Dua melonjak 80.3 peratus tahun lalu.

Sehubungan itu, Ariffin berkata, warga sekolah itu akan berusaha mengekalkan prestasi dan meningkatkan mutu pengajaran serta pembelajaran dari semasa ke semasa, sejajar dengan penerimaan anugerah sebagai Sekolah Harapan Negara tahun ini.

(END)